

SEBAHAGIAN penganjur  
LWOT melahirkan tarian  
Gangnam secara serentak



# Cipta rekod menari

■ 2,303 pengunjung LWOT  
tempa catatan MBOR.

Oleh Aidi Emizul Rasidi

am@hmetro.com.my

Ipoh

**S**eramai 2,303 pengunjung di Taman Tema Lost World of Tambun (LWOT), di sini, mencipta rekod Malaysia Book of Records (MBOR), apabila melakukan tarian berkumpulan 'Astro Circle Gangnam Flash Mob' beramai-ramai. Program anjuran bersama

Astro Circle dan LWOT itu mengatasi rekod tarian beramai-ramai 'Flash Mob' membabitkan 1,111 penyer-taan di penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM), tahun lalu.

Kejayaan memecahkan rekod MBOR itu disahkan Pengarah Urusan MBOR, Datuk Danny Ooi. Hadir sama Penolong Naib Presiden Astro Circle Pearl Ong dan Pengurus Besar

LWOT Calvin Ho.

Penganjur memilih tema 'Gangnam Flash Mob' berikutan populariti lagu Gangnam Style atau 'Tarian Kuda' yang dipopularkan artis Korea, PSY yang menjadi kegilaan ramai.

Peserta menari beramai-ramai diiringi tiga jenis lagu iaitu Gangnam Style, Chicken Dance dan Party Rock Anthem, selama lapan minit dibimbing penari Kumpulan School Brotherz Sweat (SBS) di pentas utama.

Acara turut dimeriahkan dengan sokongan dan ke-

hadiran lima stesen radio swasta iaitu Era FM, Hitz FM, My FM, Raaga FM dan Mix FM selain persembahan tarian dari kumpulan Parazee dan juara program Battle Ground 2012, SBS.

Seorang pengunjung, Mohd Azhar Mat Idrus, 24, berkata, dia teruja menyertai tarian beramai-ramai itu yang diadakan secara mengejut untuk pengunjung taman tema itu.

"Saya teruja dengan tarian itu dan tidak sangka turut tercatat di dalam MBOR," katanya.